

SEJARAH DAN PERKEMBANGAN PROSES PENGURUSAN PELUPUSAN TEKS AL-QUR'AN PADA ERA TEKNOLOGI KINI

Abdul Zahid Bin Abdul Jabar¹
Nukman Mukrami Bin Abdullah²
Muhammad Danial Aiman Shafiq Bin Sapiee³
Maisarah Saidin⁴

¹Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, (USIM), Malaysia, (E-mail: abdulzahid780@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, (USIM), Malaysia, (E-mail: nukman@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, (USIM), Malaysia, (E-mail: danial@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, (USIM), Malaysia, (E-mail: maisarah@usim.edu.my)

Abstrak: *Al-Qur'an Al-Karim adalah kitab suci yang diwahyukan Allah SWT kepada Nabi Muhammad S.A.W. sebagai rahmat dan menjadi petunjuk bagi manusia yang beriman dan bertakwa dalam kehidupannya. Pemeliharaan al-Qur'an merupakan suatu perkara yang amat penting bagi menjaga kesucian dan kemuliaannya daripada tercemar. Namun begitu, kelemahan pada pengurusan telah menyebabkan masalah lambakan teks al-Qur'an tidak dapat diuruskan dengan baik. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji sejarah awal pelupusan al-Qur'an dan kaedah terbaik proses pelupusan al-Qur'an, selepas berlakunya tragedi banjir di beberapa buah negeri sehingga menyebabkan kerosakan mushaf al-Qur'an sebanyak 25.2 tan (Pusat Pelupusan al-Qur'an Darul Kalam). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Manakala, teknik pengumpulan data adalah menggunakan buku, majalah, artikel jurnal, dokumen-dokumen daripada website rasmi dari pihak yang terlibat seperti Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Agama Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa, teknik yang sering dipraktikkan oleh umat islam hanyalah satu, iaitu pembakaran dan pembuangan abu ke dalam laut. Akhir sekali, diharapkan kertas kerja ini dapat memberi garis panduan dalam menguruskan proses perlupusan al-Qur'an untuk umat islam, serta memelihara kesuciannya sebagai rujukan utama. Semoga perkembangan ilmu ini secara langsung dapat memperkasa dan memelihara keautoritian al-Qur'an di era teknologi.*

Kata Kunci: *Sejarah, Proses, Pengurusan, Pelupusan, Al-Qur'an*

Pengenalan

Al-Qur'an merupakan sebuah kitab yang lengkap dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan pengajaran. Ianya menjadi petunjuk dan hidayah kepada manusia. Allah S.W.T telah menjanjikan al-Qur'an itu terpelihara dari sebarang perubahan dan penyelewengan hingga kiamat. Dalam melaksanakan pelupusan al-Qur'an, akan dipastikan kerja pelupusan ayat-ayat suci ini dilakukan secara tertib dan perlu diberi peneliti bagi memelihara kesucian dan kemulaiannya. Terdapat beberapa kaedah yang dipraktikkan dalam pelupusan al-Qur'an antaranya adalah melalui proses pembakaran disini perlu melalui beberapa peringkat. Persoalannya, adakah pelaksanaan pelupusan al-Qur'an dapat dilaksanakan dengan sempurna dan mematuhi ketetapan Syarak. Oleh yang demikian, proses pelupusan al-Qur'an tidaklah semudah untuk disangkakan seperti melupuskan bahan cetakan-cetakan yang lain, ianya harus melalui beberapa proses yang telah ditetapkan berdasarkan Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986. Pembakaran helaian dan ayat suci al-Qur'an perlu dilakukan dengan sempurna. Sesungguhnya usaha dalam melaksanakan tugas ini adalah fardu kifayah dan seharusnya dipuji kerana niat yang baik dalam menjaga kesuciaan al-Qur'an. Namun begitu, kajian tentang perkembangan kaedah pelupusan al-Qur'an jarang dibincangkan. Jadi, objektif kajian adalah untuk mengenal pasti kaedah terbaik bagi melaksanakan pelupusan teks al-Qur'an sebagai menjaga kehormatan ayat-ayat suci al-Qur'an al-Karim dan bersesuaian dengan perkembangan era teknologi kini.

Masalah Kajian

Apakah sejarah awal pelupusan al-Qur'an?

Bagaimana proses pelupusan teks al-Qur'an dijalankan?

Apakah kaedah yang terbaik untuk al-Qur'an dilupuskan pada era teknologi kini?

Objektif Kajian

Untuk mengetahui sejarah awal pelupusan al-Quran.

Untuk mengkaji bagaimana proses pelupusan al-Qur'an dijalankan.

Untuk mengenalpasti kaedah terbaik untuk melupuskan al-Qur'an pada era teknologi kini.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan rekabentuk kajian analisis dokumen. Teknik pengumpulan data adalah menggunakan dokumen-dokumen daripada pihak yang bertanggungjawab sebagai sumber primer seperti jurnal artikal, buku, dan websit rasmi. Manakala kepustakaan sebagai sumber sekunder. Analisis data dalam kajian ini adalah dengan menggunakan pendekatan deskriptif dan komparatif.

Kajian Lepas

(Latifah Abdul Majid, Mohd Faizulamri Mohd Saad, Hamdi Ishak, Mohd Nasir Abd Majid, Mohd Remy Rozainy Mohd Arif Zainol, dan Ameer Areff Iskandar Mohd Azhar, 2022) dengan kajian ilmiahnya yang berjudul “Kaedah Pelupusan Teks Al-Quran dan Bahan Terbitan Al-Quran”. Pengkaji telah mengupas perihal pelanggaran etika atau adab dalam melupuskan al-Quran dalam masyarakat Islam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan mengenai kaedah dan metode pelupusan al-Quran yang selari dengan fatwa semasa dan isu yang timbul dalam pelupusan bahan terbitan al-Quran. Metode kajian ini menggunakan menerusi metode analisis dokumen dari sumber-sumber perpustakaan berkaitan.

Kajian (Ahmad Salihin Nasaruddin, dan Latifah Abdul Majid, 2022), yang berjudul “Sejarah Pemeliharaan dan Pemuliharaan Mushaf al-Quran”, pengisiannya membincangkan tentang sejarah pemeliharaan al-Quran daripada zaman permulaan turunnya wahyu di zaman Rasulullah SAW sehingga masa kini. Objektif jurnal ini mengkaji bagaimana bentuk pemeliharaan dan pemuliharaan bahan yang mengandungi ayat al-Quran dalam sejarah Islam. Manakala, Reka bentuk kajian ini adalah kualitatif dengan kaedah pengumpulan data secara analisa dokumen seterusnya data dianalisis secara diskriptif.

(Ainul Kuthar Binti Karim, 2017), dalam kajian ilmiahnya yang berjudul “Amalan Pengurusan Pelupusan Bahan Al-Quran di Malaysia”, telah mengupas perihal kesedaran masyarakat Islam mengenai kepentingan mengekalkan martabat Mushaf al-Quran terutamanya dalam pengurusan pelupusannya. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap pematuhan masyarakat Islam terhadap hukum dan kaedah pelupusan bahan al-Quran, mengenalpasti factor-faktor yang mempengaruhi, dan mengenalpasti amalan pelupusan dan cabaran yang dihadapi agensi pelaksana dalam menjalankan pelupusan bahan al-Quran di Malaysia. Kajian ini menggunakan metodologi campuran iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif.

Kajian (Muhammad Nasrul Azim Roslan dan Zulfahmi Mohamad, 2022), yang berjudul “Kaedah-Kaedah Pelupusan Mushaf Al-Quran: Satu Analisis” pengisiannya membincangkan tentang konsep pemeliharaan, dan pelupusan mushaf al-Quran boleh dilakukan dengan beberapa kaedah yang telah ditetapkan oleh para ulama. Tujuan penulisan ini adalah untuk menerokai dan menganalisis pandangan dan fatwa berkaitan kaedah pelupusan mushaf al-Quran mengikut syarak. Methodologi kajian ini berbentuk kualitatif dimana melalui kaedah analisis dokumen sebagai sumber pengumpulan data dan analisis perbandingan.

(Ag.Sharin Bin Ahmad, 2017), dalam kajian ilmiahnya yang berjudul “Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran Kementerian Dalam Negeri Berasaskan Siyasah Syaryyah” telah mengupas perihal kawalan penerbitan dan pembukuan teks al-Qur’an dengan kaedah Siyasah Syar’iyyah di dalam Islam.. Kajian ini juga bertujuan bagi menerangkan serba sedikit berkenaan peranan dan tujuan Bahagian Kawalan Teks al-Quran dan adakah ianya menepati kehendak dan tujuan siyasah syar’iyyah. Methodologi kajian ialah kuantitatif, ianya lebih tertumpu kepada persoalan “adakah penubuhan Bahagian Kawalan Penerbitan Teks al-Quran bertepatan dengan konteks Siyasah Syar’iyyah”.

(Latifah Abdul Majid, Mohd Faizulamri Mohd Saad, Hamdi Ishak, Mohd Nasir Abd Majid, Mohd Remy Rozainy Mohd Arif Zainol dan Ameer Areff Iskandar Mohd Azhar, 2022) dalam kajian ilmiahnya yang berjudul “Kaedah Pelupusan Teks Al-Quran dan Bahan Terbitan Al-Quran” telah mengupas mengenai kaedah dan tatacara perlu selari dengan fatwa semasa dan terkini dalam pelupusan teks al-Quran dan bahan penerbitan al-Quran supaya dapat dielakkan berlakunya

pelanggaran etika atau adab dalam pelupusan ini. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan mengenai kaedah dan metode pelupusan al-Quran dan bahan terbitan al-Quran menurut perspektif Islam dan garis panduan yang selari dengan fatwa semasa. Kajian ini juga menjelaskan isu yang timbul dalam pelupusan bahan terbitan al-Quran.

(Ainul Kauthar Binti Karim, 2017) kajian ilmiahnya yang berjudul “AMALAN PENGURUSAN PELUPUSAN BAHAN AL-QURAN DI MALAYSIA” bertujuan untuk mengenalpasti tahap pematuhan masyarakat Islam terhadap hukum dan kaedah pelupusan bahan al-Quran mengikut Syarak; mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pematuhan tersebut; mengenalpasti amalan pelupusan yang dijalankan oleh agensi pelaksana dan menganalisa cabaran yang dihadapi agensi pelaksana dalam menjalankan pelupusan bahan al-Quran di Malaysia.

(Ab Gani, S. A., & Ahmad, M. N. 2019) yang berjudul “Proses pengurusan pelupusan teks-teks al-Qur’an di Jabatan Agama Islam Negeri Johor: Peranan pihak yang bertanggungjawab dan permasalahannya” tujuan kajian ini untuk mengkaji proses pelupusan al-Qur’an, pihak pengurusan dan permasalahannya

1.0 Sejarah Pelupusan Al-Qur’an

Penurut pandangan ulama, kaedah pembakaran mushaf bagi memelihara al-Qur’an merupakan suatu kaedah yang diambil daripada ijtihad yang dilakukan oleh Sayyidina ‘Uthman ketika pemerintahannya. Kaedah yang sama turut digunakan oleh Marwan ibn al-Hakam ketika pemerintahannya dengan membakar mushaf yang telah dikumpul ketika zaman Abu Bakr. Justeru, tujuan membakar al-Qur’an adalah untuk menjaga dan memelihara setiap firman dan zat yang Maha Agung terhadap perkara-perkara yang tidak selayaknya dilakukan. Perintah Sayyidina ‘Uthman untuk membakar kertas mushaf ketika beliau mengumpul al-Qur’an, menunjukkan bolehnya membakar kitab yang tertulis nama-nama Allah Ta’ala, berdasarkan hadis;

أَنَّ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ فِي جَمْعِ عَثْمَانَ الْمَصَاحِفِ، قَالَ : حَتَّى إِذَا نَسَخُوا الصُّحُفَ فِي الْمَصَاحِفِ، رَدَّ عَثْمَانُ الصُّحُفَ إِلَى حَفْصَةَ، وَأَرْسَلَ إِلَى كُلِّ أَقْطٍ بِمُصْحَفٍ مِمَّا نَسَخُوا، وَأَمَرَ بِمَا سِوَاهُ مِنَ الْقُرْآنِ فِي كُلِّ صَحِيفَةٍ أَوْ مُصْحَفٍ، أَنْ يُحْرَقَ

Maksudnya: “Daripada Anas ibn Malik dalam pengumpulan mushaf di zaman ‘Uthman, selepas selesai menyalin semula mushaf, ‘Uthman mengembalikan mushaf rujukan kepada Hafsa dan membuat beberapa salinan daripada mushaf utama untuk dikirimkan ke pelbagai pelusuk dunia Islam. ‘Uthman memerintahkan agar dibakar segala mushaf yang selain daripada mushaf utama” (Sahih al-Bukhari).

Selain itu, berdasarkan hujah daripada kitab Sahih al-Bukhari, yang meriwayatkan perbuatan sahabat di zaman Khalifah ‘Uthman yang telah membakar al-Qur’an yang bukan ditulis dalam ijmak. Kenyataan dalam kitab seperti di bawah,

وَأَمَرَ بِمَا سِوَاهُ مِنَ الْقُرْآنِ فِي كُلِّ صَحِيفَةٍ أَوْ مُصْحَفٍ، أَنْ يُحْرَقَ

Maksudnya: “Dan Uthman memerintahkan agar dibakar segala mushaf atau Sahifah yang selain daripada al-Qur’an.

Disamping itu, Ibn Battal telah menafsirkan hadith di atas seperti berikut merujuk kitab Fatul al-Ba’ri,

هَذَا الْحَدِيثُ جَوَازُ تَحْرِيقِ الْكُتُبِ الَّتِي فِيهَا اسْمُ اللَّهِ بِالنَّارِ وَأَنَّ ذَلِكَ إِكْرَامٌ لَهَا وَصَوْنٌ عَنْ وَطْئِهَا بِالْأَقْدَامِ

Maksudnya: “Hadith tersebut menjadi dalil bahawa harus membakar dengan api bukubuku yang di dalamnya terdapat nama Allah SWT sebagai menghormati atau memuliakannya serta memelihara daripada dipijak”.

Dapatan kajian menunjukkan bahwa semasa zaman para sahabat Islam membenarkan pembakaran al-Quran lalu menanamnya. Hal ini berdasarkan tindakan khalifah Islam ketiga, Uthman bin Affan RA, ketika menyatukan umat Islam di atas satu mushaf, beliau membakar mushaf-mushaf lain yang menyalahinya.

Seterusnya, pembakaran tersebut mestilah disertakan saksi yang melihatnya. Sepertimana, disaksikan oleh para sahabat R.Anhum. Ibn Batthal sewaktu isu mengumpulkan al-Quran, menunjukkan bahawa kitab-kitab yang tertulis nama-nama Allah SWT boleh dibakar, dengan tujuan untuk memuliakannya, menjaganya dari dipijak oleh kaki-kaki manusia, dan memeliharanya dari dibuang di atas tanah.

2. Proses Pelupusan

2.1 Kaedah Pelupusan Teks Al-Qur'an

Berdasarkan Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986, seksyen 11 (1) Bahan Buangan daripada Pencetakan Teks Al-Quran atau Bahan Al-Quran telah memperuntukkan bahawa; “Seseorang yang mencetak sesuatu teks Al-Quran atau bahan Al-Quran hendaklah mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan bahawa apa-apa bahan buangan yang di atasnya tercetak atau terdapat sesuatu Ayat Al-Quran dimusnahkan dengan sertamerta dengan membakarnya di suatu tempat tertutup yang tidak dapat dimasuki oleh orang awam dan tidak meninggalkan premis pencetakan itu dengan apa-apa cara pun, kecuali semasa ia dipindahkan ke suatu tempat untuk dimusnahkan sebagaimana yang tersebut dahulu”.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Ke-13 pada 1 dan 2 Julai 1985 juga telah memperincikan bahawa; “Orang-orang bukan Islam adalah diharamkan/tidak boleh menulis, mengukir, membentuk, mempamerkan dan menjual barang-barang yang mengandungi ayat-ayat suci Al-Quran”.

Sebagai permulaan bagi menguruskan pelupusan, bahan buangan atau lebih yang mengandungi huruf atau ayat-ayat suci Al-Quran hendaklah dilupuskan secara berasingan daripada bahan-bahan lain, serta dilarang menggunakannya semula bagi apa-apa tujuan sekalipun.

Seterusnya, kaedah pelupusan sama ada secara pembakaran atau ditanam. Bagi pemilihan tempat pembakaran, perlulah ditempatkan di kawasan yang luas, terkawal dan terhindar daripada pandangan orang ramai yang memungkinkan berlakunya fitnah terhadap kesucian al-Quran. Al-Quran yang rosak, koyak, yang tidak boleh dibaca dan yang bukan Rasm Uthmani hendaklah dilupuskan. Kaedah pelupusan adalah dibakar di tempat yang dikawal dan ditanam ditempat yang dikawal. (Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-30 yang bersidang pada 22 Ogos 1992).

2.2 Adab Dan Etika

Adab-adab dan etika ketika mengendalikan aktiviti pelupusan teks al-Quran hendaklah dilakukan seperti berikut;

Pengendali hendaklah beragama Islam.

Pengendali hendaklah sentiasa dalam keadaan berwuduk dan tidak berhadap besar setiap kali mengendalikan proses pelupusan.

Pengendali hendaklah berpakaian yang menutup aurat dan sopan ketika melakukan proses pelupusan.

Aktiviti pelupusan yang melibatkan proses pembakaran perlulah mempunyai kelengkapan dan alat yang mencukupi iaitu pakaian/jaket yang tebal, sarung tangan, penutup hidung (mask) dan berkasut.

Bahan-bahan atau debu yang mengandungi ayat-ayat suci al-Quran perlulah dikumpul dan diletakkan di dalam suatu bekas yang sesuai.

Bekas atau tempat yang dikumpulkan bahan-bahan atau debu ayat suci al-Quran hendaklah diletakkan di suatu tempat yang tinggi, atau berlapis dengan suatu alas yang sesuai, atau diletakkan di suatu tempat yang difikirkan sesuai untuk menjaga kehormatan al-Quran

3. Kaedah Terbaik Melupuskan Al-Qur'an pada Era Teknologi Kini.

3.1 Satu Organisasi Yang Bertanggungjawab

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) menyediakan perkhidmatan pelupusan al-Quran, yang berpandukan syariat islam dan ditawarkan secara percuma kepada mangsa banjir. (Pusat Pelupusan al-Quran Darul Kalam)

3.2 Penggunaan Mesin Incinerator

Mesin ini, berupaya melupuskan teks atau bahan al-Quran sebanyak 2 -5 tan sehari. Ia juga dilengkapi dengan mesin perincih (shredder) dan (crusher).

Selain itu, mesin Incinerator bagi pembakaran teks atau bahan al-Quran tidak boleh digunakan untuk membakar bahan-bahan lain yang boleh mencemarkan kesuciannya dan hendaklah bersih daripada najis. Akhir sekali, mesin Incinerator hendaklah ditempatkan sekurang-kurangnya 500 meter jauh daripada kawasan berpenduduk.

3.3 Bilik Penyimpanan

Penyediaan sebuah bilik simpanan khas untuk menyimpan al-Quran yang akan dilupuskan serta debu hasil daripada pembakaran tersebut.

Antara ciri bilik penyimpanan tersebut ialah, keluasan tempat penyimpanan mampu menyimpan bahan-bahan tersebut sebanyak 20 tan pada satu masa. Seterusnya, keluasannya perlu melebihi 20 x 20 kaki persegi. Akhir sekali, bilik penyimpanan hendaklah diletakkan di tempat yang khas dan tinggi minima adalah sekurang-kurangnya satu (1) kaki dari paras lantai.

Hasil Kajian

Dapatan kajian, diharap kertas kerja ini mampu membantu umat Islam supaya dapat memahami kenapa al-Qur'an perlu dilupuskan serta bagaimana kaedahnya dan siapakah pihak yang bertanggungjawab melupuskan al-Qur'an. Kajian ini juga diharapkan dapat bersama menjaga dan memelihara kesucian al-Qur'an itu sebagai rujukan utama, serta semoga perkembangan ilmu ini secara langsung dapat memperkasa dan memelihara keautoritian Al-Qur'an di era teknologi.

Kesimpulan

Pelupusan al-Qur'an yang dilaksanakan ini tertib dan teratur berlandaskan kemahuan agama. Kaedah pembakaran yang pernah dilakukan ketika zaman sahabat dipraktikkan ketika ini dicontohi bagi memastikan pemeliharaan teks-teks al-Qur'an terus terjamin kesuciannya. Justeru, sokongan dan kerjasama daripada masyarakat amatlah diperlukan bagi memastikan Kalam Allah ini terus terpelihara.

Rujukan

- Majid, L. A., Saad, M. F. M., Ishak, H., Abd Majid, M. N., Zainol, M. R. R. M. A., & Azhar, A. A. I. M. (2022). Kaedah Pelupusan Teks Al-Quran dan Bahan Terbitan Al-Quran. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 95-108.
- KARIM, A. K. B., & ISLAM, F. T. AMALAN PENGURUSAN PELUPUSAN BAHAN AL-QURAN DI MALAYSIA.
- Ab Gani, S. A., & Ahmad, M. N. (2019). Proses pengurusan pelupusan teks-teks al-Qur'an di Jabatan Agama Islam Negeri Johor: Peranan pihak yang bertanggungjawab dan permasalahannya. *International Journal Od West Asian Studies*, 11(1), 45-57.
- Majid, L. A., Saad, M. F. M., Ishak, H., Abd Majid, M. N., Zainol, M. R. R. M. A., & Azhar, A. A. I. M. (2022). Kaedah Pelupusan Teks Al-Quran dan Bahan Terbitan Al-Quran. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 95-108.
- Nasaruddin, A. S., & Majid, L. A. (2022). Sejarah Pemeliharaan dan Pemuliharaan Mushaf al-Quran. *AL-TURATH JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH*, 7(2), 41-48.
- KARIM, A. K. B., & ISLAM, F. T. AMALAN PENGURUSAN PELUPUSAN BAHAN AL-QURAN DI MALAYSIA.
- Roslan, M. N. A., & Mohamad, Z. (2022). Kaedah-Kaedah Pelupusan Mushaf Al-Qur'an: Satu Analisis. *Al-Takamul al-Ma'rifi*, 5(1), 1-11.
- AG.SHARIN BIN AHMAD. (2017). Kawalan Penerbitan Dan Teks Al-Quran Kementerian Dalam Negeri Berasaskan Siyasa Syaryyah. FAKULTI PENGAJIAN ISLAMUNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIABANGI